

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004  
Februari/Mac 2004

**IEK 316 - SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi DUA mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan pemaju projek Golf Course di Sungai Ara untuk memberhentikan operasi loji kuari mereka kerana tidak ada penilaian impak alam sekitar. Kawasan ini adalah berbukit dan lokasinya dalam lingkungan tiga kilometer kawasan perumahan. Terdapat satu sungai yang mengalir di tepi bukit di kawasan pembinaan. Anda telah diminta untuk menyediakan laporan impak alam sekitar. Berikan skop liputan penilaian anda diikuti dengan maklumat yang ringkas tentang setiap skop kerja. (20 markah)
2. Satu pembinaan meningkatkan taraf jalan raya telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Anda diarahkan oleh pihak pemaju untuk menyediakan satu perancangan untuk menjaga alam sekitar sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Jelaskan butir perancangan tersebut. Pembinaan jalan ini akan melintasi 12 sungai, 16 kampung, kawasan berbukit, kawasan tanaman kelapa sawit dan kawasan hutan simpanan. Jarak pembinaan ini adalah sejauh 60 km. (20 markah)
3. Dalam pemantauan alam sekeliling, anda perlu membuat perancangan dengan teliti. Berdasarkan maklumat soalan (2), berikan perancangan pemantauan yang anda akan rekabentuk. (20 markah)
4. Apakah tujuan dan kelebihan menjalankan
  - (a) Penilaian impak alam sekitar. (6 markah)
  - (b) Perancangan Pengurusan Alam Sekitar. (7 markah)
  - (c) Sistem Pengurusan Alam Sekitar. (7 markah)
5. Berikan kesemua elemen Sistem Pengurusan Alam Sekitar. (20 markah)
6. Jelaskan serba ringkas tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan jumlah bahan buangan yang terjana. (20 markah)

ooo000ooo